

13/02/1998

Malaysia mampu urus projek

KALANGAN anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) yakin dengan keupayaan kerajaan melaksanakan projek itu, walaupun negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi.

Naib Presiden Siemens Nixdorf Informations System AG, Axel Hass, kagum dengan pencapaian pembangunan projek MSC sejak menghadirinya mesyuarat pertama IAP di Universiti Stanford, Palo Alto, California, Januari tahun lalu.

"Daripada perbincangan yang dibuat setahun lalu dan pencapaian sekarang terbukti memberangsangkan.

"MSC mempunyai pembahagian tugas yang jelas dan dapat membantu mempercepatkan pembangunannya," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Hass yang mewakili syarikatnya pada mesyuarat kedua IAP di sini berkata, Siemens yang sudah memperolehi status MSC akan membuat pelaburan AS\$50 juta dalam tempoh 10 tahun untuk melahirkan tenaga kerja intelek.

"Setakat ini, tenaga kerja kami dari kalangan anak tempatan berupaya membangunkan produk perisian yang sudah dipasarkan di peringkat antarabangsa.

"Oleh itu, kami sudah memastikan pelaburan untuk menambah lebih ramai tenaga kerja intelek, terutama dalam bidang perisian dan program pendidikan di MSC," katanya.

Beliau berkata, setakat ini apa yang sering menjadi tajuk perbincangan ialah bagaimana melahirkan tenaga kerja intelek dan ia menjadi persoalan kritikal dalam industri teknologi maklumat.

Katanya, Siemens akan terus mempertingkatkan pelaburan untuk melahirkan tenaga kerja intelek yang dapat dimanfaatkan secara berkesan dan produktif.

Sementara itu, Pengerusi Motorola Corporation, Gary L Tooker, turut yakin dengan program pembangunan MSC serta ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

"Motorola akan terus memperluaskan operasinya di negara ini dan yakin dengan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pandangan positif Motorola didorong oleh peranan yang dimainkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai peneraju masyarakat Asean dalam membincangkan isu dengan masyarakat Eropah serta Amerika Syariakt.

Mengenai aktiviti Motorola di MSC, Tooker berkata ia menjadi sebahagian pelaburan besar syarikat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

"Motorola mengenalpasti beberapa program MSC seperti inisiatif kad pintar dan sekolah bestari," katanya.

Menurutnya, walaupun pelaburan dalam MSC belum diputuskan lagi, pelaburan awal Motorola antara AS\$10 juta hingga AS\$15 juta.

(END)